



KENYATAAN MEDIA

16 Jun 2021

Petikan daripada:

Ahmad Zulqarnain Onn

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, PNB

PETIKAN

Jelas sekali bahawa penyelesaian terbaik untuk menangani krisis pandemik ini adalah dengan mencapai imuniti kelompok menerusi vaksinasi. Alhamdulillah, kita telah berjaya mencapai kemajuan yang amat baik pada bulan Jun. Pemberian hampir 200,000 dos semalam adalah pencapaian yang sangat menggalakkan dan jumlah tersebut dijangka akan meningkat lagi sehingga mencapai sasaran 300,000 dos sehari. Semangat kesukarelawanan rakyat Malaysia terserlah di kebanyakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara, yang jelas mencerminkan nilai murni rakyat negara kita.

Pada kadar yang disasarkan, 3 juta rakyat Malaysia akan menerima vaksin setiap bulan. Ini akan membolehkan kita menghampiri imuniti kelompok menjelang suku keempat, sepertimana aspirasi Pelan Pemulihan Negara.

PNB dan syarikat-syarikat kami sentiasa bersedia untuk menghulur sebarang bantuan yang diperlukan bagi menjayakan Pelan Pemulihan Negara. Semua pihak seharusnya berganding bahu dan menggembelng tenaga untuk mencapai imuniti kelompok, demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

PETIKAN TAMAT

Terima kasih.